

Headline	LIAM lantik semula Toi sebagai presiden		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	05 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	45,554	Readership	136,662
Section	Supplement	Page No	A12
ArticleSize	89 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 866		



## LIAM lantik semula Toi sebagai presiden

**KUALALUMPUR:** Life Insurance of Malaysia (LIAM) melantik semula Toi See Jong sebagai Presiden bagi penggal 2016/2017 pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-42 (AGM), 30 Mac lepas.

Toi yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd, mempunyai kelayakan aktuari dari United Kingdom dan lebih 26 tahun pengalaman dalam industri insurans.

AGM itu juga menyak-

sikan pelantikan Naib Presiden baharu LIAM, Gan Leong Hin yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Prudential Assurance Bhd.

Gan merupakan seorang aktuari yang berkelayakan dengan pengalaman lebih 25 tahun dalam insurans hayat dan perniagaan pelaburan di Asia, Australia serta United Kingdom.

Bagi penggal 2016/2017, persatuan itu akan disokong oleh tujuh anggota lain seperti Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd Anusha Thavara-

jah, Ketua Pegawai Eksekutif AmMetLife Insurance Bhd Ramzi Toubassy, Ketua Pegawai Eksekutif AXA Affin Life Insurance Bhd Loke Kah Meng, Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Insurance Bhd Zaharudin Daud, Ketua Pegawai Eksekutif Gibraltar BSN Life Bhd Vincent Kwo Shih Kang, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance (M) Bhd Datuk Koh Yaw Hui dan Ketua Pegawai Eksekutif Manulife Insurance Bhd Mark O'Dell.  
— Bernama